

20 kawasan berisiko tercemar jejas Sungai Selangor, Sungai Langat

Sumber air mentah terancam

Oleh HELMI MOHD. FOAD
dan MEGAT RAMLI MEGAT RAOF
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Sungai-sungai di Selangor yang membekalkan air mentah di negeri itu, Kuala Lumpur dan Putrajaya sedang terancam apabila sekurang-kurangnya 20 kawasan di Sungai Langat dan Sungai Selangor dikesan terdedah kepada risiko berlakunya pencemaran.

Tinjauan *Kosmo!* di Sungai Langat yang menjadi sumber air mentah bagi Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih dan LRA Cheras Batu 11 dekat sini baru-baru ini didapati tercemar dengan aktiviti guna tanah yang tinggi di sekitar Semenyih.

Kegiatan perindustrian, aktiviti kuari, pembukaan tanah dan kawasan kepulauan penduduk di sepanjang lokasi tersebut menjadi penyumbang utama pencemaran Sungai Langat terutama peningkatan kadar kekeruhan air dan pencemaran ammonia.

Pencemaran juga dikesan berlaku di Sungai Sub, Sungai Tekali, Sungai Sering dan Sungai Raya, masing-masing akhirnya bergabung mengalir masuk ke Sungai Langat sebelum air mentah diproses di LRA Semenyih dan LRA Cheras Batu 11.

Keadaan Sungai Raya dan Sungai Sering begitu menyedihkan kerana tidak ubah seperti longkang apabila menjadi tempat pembuangan sisa domestik, organik dan kumbahan.

Sementara itu, di Sungai Selangor pula terdapat sekurang-kurang 11 kawasan be-



KEADAAN Sungai Sembah yang mengalir ke Sungai Selangor tercemar dengan longgokan sampah di Bestari Jaya, Selangor. Gambar kecil merupakan sampel air yang keruh akibat perlombongan pasir di sungai berkenaan.

risiko untuk tercemar, bermula dari Sungai Kubu, Sungai Rening hingga ke Sungai Kerling dengan wujud empat lombong pasir, kawasan perindustrian dan aktiviti ternakan.

Di lembangan Sungai Kerling hingga ke Sungai Sembah juga rancak dengan aktiviti lombong pasir selain aktiviti kuari dan pembinaan rumah.

Sementara itu, Sungai Hitam di Bestari Jaya yang turut bersambung dengan Sungai Nyamuk dan Bukit Tagar mengalami perubahan warna ketara iaitu hitam berpotensi mengalami pencemaran ammonia terutama di kawasan perangkap sampah di Sungai Selangor selain terdapat aktiviti ternakan babi.

Pencemaran di sepanjang laluan Su-

ngai Selangor itu boleh memberikan kesan kepada kualiti air yang memasuki muka sawk di LRA Sungai Selangor Fasa 1,2 dan 3.

Sementara itu, sumber berkata, peningkatan kadar kekeruhan dikesan sering berlaku ketika musim hujan manakala pencemaran ammonia pula semasa keadaan air sungai cetek pada musim panas dari Januari hingga Mac.

Katanya, terbaharu ialah kes pencemaran ammonia di sungai tersebut hingga menyebabkan LRA Cheras Batu 11 dan LRA Bukit Tampoi terpaksa ditutup hujung bulan lalu.

"Jika dilihat keadaan sungai tersebut, orang ramai pasti tidak percaya, ia adalah sumber bekalan air bagi kegunaan seharian termasuk untuk diminum," ujarnya.

Kualiti air pada tahap serius – Pakar

KUALA LUMPUR – Sungai Langat dan Sungai Selangor yang menjadi sumber utama bekalan air mentah kepada loji-loji rawatan air di Selangor didapati masih tercemar dengan aktiviti guna tanah yang terlalu tinggi terutama pembangunan perumahan dan perindustrian.

Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin,

Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, pembangunan di sekitar lembangan sungai memberi kesan negatif terhadap kualiti air akibat pembuangan sisa domestik, organik dan kumbahan ke dalam sungai.

Menurutnya, lebih serius apabila sisa minyak masak, diesel dan cecair kimia disalurkan masuk ke dalam sungai menyebabkan loji-loji

rawatan air terpaksa ditutup serta-merta sehingga jutaan pengguna air di sekitar Lembah Klang terjejas bekalan air bersih.

"Berdasarkan kajian yang dijalankan beberapa tahun lalu, bahagian air bersih di sepanjang 149.3 kilometer (km) Sungai Langat hanya tinggal kira-kira 50km manakala sebahagian besar kawasan sungai ini sudah tercemar secara serius iaitu dikategorikan kelas tiga dan empat.

"Sungai Selangor pula boleh dikategorikan berada pada kelas dua dan tiga iaitu kadangkala tidak tercemar dan kadangkala tercemar secara serius mengikut situasi dan keadaan tertentu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Hafizan yang merupakan bekas Ketua Unit Permodelan Alam Sekitar, Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia memberitahu, kualiti air sungai yang tercemar akan meningkatkan kos rawatan air bersih.

Katanya, bergantung kepada sungai-sungai tersebut tidak boleh diteruskan kerana apabila berlaku pencemaran air yang teruk akibat tumpahan minyak atau ammonia, loji-loji rawatan air terpaksa ditutup beberapa kali seperti yang terjadi sebelum ini.



HAFIZAN



Laporan Khas



SUNGAI Sering dan Sungai Raya yang mengalir masuk ke Sungai Langat di Batu 9, Cheras, Selangor seperti longkang akibat pembuangan sisa domestik.



SUNGAI Hitam di Bestari Jaya, Kuala Selangor yang berisiko mengalami pencemaran ammonia mengalir memasuki Sungai Selangor.